



**PELAKSANAAN KUTIPAN TOL LEBUHRAYA WCE, SEKSYEN 2
(SAE – SKVE) BERMULA 13 JUN 2025**

KLANG, SELANGOR – West Coast Expressway (WCE) mengumumkan bahawa kutipan tol bagi Jajaran Seksyen 2, yang menghubungkan Persimpangan Bertingkat SAE (KESAS) ke Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) dan Persimpangan Bertingkat Banting, akan bermula pada 13 Jun 2025 (Jumaat) jam 12.01 tengah malam.

Jajaran Seksyen 2 sepanjang 7.2 km (Persimpangan Bertingkat SAE – Persimpangan Bertingkat SKVE) ini telah dibuka secara rasmi oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, pada 22 Januari 2025 yang lalu.

Kadar Tol dan Kaedah Pembayaran

Kadar tol di Seksyen 2 Lebuhraya WCE berintegrasi sepenuhnya dengan Lebuhraya SKVE melalui Persimpangan Tanjung Dua Belas. Kadar tol yang dikenakan telah mengambil kira keseluruhan perjalanan pengguna, termasuk bahagian perjalanan di Lebuhraya SKVE.

Kutipan tol Seksyen 2 ini akan dilaksanakan secara elektronik sepenuhnya menggunakan kad Touch 'N Go, Smart Tag dan RFID. Pengguna dinasihatkan untuk memastikan baki e-wallet dan kad Touch 'N Go mencukupi sebelum memulakan perjalanan bagi mengelakkan sebarang kesulitan semasa melalui plaza tol.

Berikut adalah pecahan kadar tol (WCE & SKVE) mengikut kelas kenderaan yang telah ditetapkan:



WEST COAST EXPRESSWAY SDN BHD

(339890-P)

E32

KADAR TOL LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT

ANDA KINI BERADA DI PLAZA TOL SAE







PLAZA TOL MASUK	KELAS 1		KELAS 2		KELAS 3		KELAS 4		KELAS 5	
	WCE	SKVE	WCE	SKVE	WCE	SKVE	WCE	SKVE	WCE	SKVE
AYER HITAM	RM1.59	RM3.92	RM3.18	RM5.88	RM4.77	RM7.84	RM0.79	RM1.96	RM1.19	RM2.43
SKVE SAUJANA PUTRA	RM1.59	RM2.11	RM3.18	RM3.16	RM4.77	RM4.22	RM0.79	RM1.05	RM1.19	RM1.31
TELUK PANGLIMA GARANG	RM1.59	RM1.07	RM3.18	RM1.60	RM4.77	RM2.13	RM0.79	RM0.53	RM1.19	RM0.66
PULAU INDAH	RM1.59	RM4.54	RM3.18	RM6.81	RM4.77	RM9.08	RM0.79	RM2.27	RM1.19	RM2.81
BANTING	RM3.53		RM7.06		RM10.59		RM1.76		RM2.64	

SILA PASTIKAN BAKI KAD  MENCUKUPI!



TALIAN INFO WCE (24 JAM) : 1700-81-6600

Kadar tol keseluruhan mengikut kelas kenderaan:

 WEST COAST EXPRESSWAY SDN BHD (339890-P) 					
KADAR TOL KESELURUHAN LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT ANDA KINI BERADA DI PLAZA TOL SAE					
    					
PLAZA TOL MASUK	KELAS 1	KELAS 2	KELAS 3	KELAS 4	KELAS 5
AYER HITAM	RM5.51	RM9.06	RM12.61	RM2.75	RM3.62
SKVE SAUJANA PUTRA	RM3.70	RM6.34	RM8.99	RM1.84	RM2.50
TELUK PANGlima GARANG	RM2.66	RM4.78	RM6.90	RM1.32	RM1.85
PULAU INDAH	RM6.13	RM9.99	RM13.85	RM3.06	RM4.00
BANTING	RM3.53	RM7.06	RM10.59	RM1.76	RM2.64
SILA PASTIKAN BAKI KAD  MENCUKUPI					
 TALIAN INFO WCE (24 JAM) : 1700-81-6600					

Maklumat Lanjut dan Khidmat Pelanggan

Untuk maklumat lanjut mengenai kadar tol dan cara pembayaran, sila layari laman web WCE atau muat turun aplikasi WCE App. Jika anda menghadapi sebarang masalah dengan pembayaran tol, sila hubungi WCE Infoline di 1700 81 6600 atau emel info@wce.com.my

Tentang Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE)

Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) adalah projek lebuh raya utama di Malaysia sepanjang 233km dari Banting, Selangor hingga ke Taiping (Changkat Jering), Perak. Apabila siap sepenuhnya kelak, ia akan berfungsi sebagai nadi penting pengangkutan, yang akan menghubungkan bandar-bandar di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Syed Mohammed Idid Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Strategik & Libat Urus West Coast Expressway Sdn Bhd Tel Bimbit: 012 378 2728 Tel Pejabat: 03 3082 1957 Infoline: 1700-81-6600 Emel: syedidid@wce.com.my	Hail Roshman Ahmad Lead Jabatan Komunikasi Strategik & Libat Urus West Coast Expressway Sdn Bhd Tel Bimbit: 012 325 5394 Tel Pejabat: 03 3082 1977 Infoline: 1700-81-6600 Emel: hail@wce.com.my
---	---